

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RMK 251 Undang-Undang I

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. SATU dari Bahagian A, TIGA dari Bahagian B dan SATU dari Bahagian C. Sila jawab soalan dari Bahagian C di dalam kertas berasingan.

Bahagian A

1. (a) "Ignorantia judicata non excusat". Bincangkan di dalam konteks pelbagai jenis undang-undang yang ada di negara ini. (5 markah)
- (b) Sistem perundangan di Malaysia banyak dipengaruhi oleh undang-undang "common" dan "equity". Bincangkan. (15 markah)

Bahagian B

2. (a) Bincangkan secara ringkas tentang elemen-elemen kontrak yang sah di sisi undang-undang. (10 markah)
- (b) Nik dan Yeoh telah bersetuju di atas jualan sebidang tanah tapak perumahan (kepunyaan Nik) dengan harga \$500,000. Perjanjian yang dibuat menyatakan bahawa penjualan ini "tertakluk kepada kontrak" (subject to contract). Sehari selepas itu, Nik menjualkan tanah tersebut kepada Noel dengan harga \$600,000. Nasihatil Yeoh dalam hal ini. (10 markah)

3. (a) Kenapakah kita perlu tahu membezakan di antara sesuatu cadangan (offer) dengan sesuatu pelawaan tawaran (an invitation to treat) di dalam undang-undang kontrak?

(5 markah)

(b) Apakah faktor-faktor yang boleh membatalkan sesuatu kontrak?

(5 markah)

(c) Dino terlihat sepasang kasut kulit jenama terkenal diperagakan di dalam kotak kaca dekat pintu masuk sebuah kedai kasut di KOMTAR dengan tanda harga \$5.00. Tanpa membuang masa beliau terus meminta seorang jurujual mencari saiz kasut tersebut yang sesuai untuk dicubainya dahulu. Malangnya jurujual tersebut bertanya, "Awak mampukah beli kasut ini? Harganya sepasang ialah \$500.00". Dino terus menarik perhatian jurujual tersebut kepada tanda harga yang diperagakan. Jurujual meminta maaf kerana berlaku kesilapan. Nasihat Dino.

(10 markah)

4. Apabila sesuatu kontrak itu dimungkiri, pihak yang tercedera (the injured party) boleh memohon beberapa remedi dari pada mahkamah. Bincangkan remedi-remedi tersebut.

(20 markah)

5. (a) Berikan takrifan "perkongsian" seperti yang dinyatakan di dalam Akta 135 Akta Perkongsian 1961 (Disemak 1974).

(5 markah)

(b) Seksyen 37 di dalam akta tersebut memperuntukkan enam keadaan yang membolehkan mahkamah, di atas permintaan salah seorang pekongsi membubarkan sesuatu perkongsian. Bincangkan keadaan-keadaan tersebut.

(15 markah)

Bahagian C

6. (a) Apakah yang mesti dibuktikan oleh seseorang plaintif untuk berjaya di dalam sesuatu tindakan tort kecuaian terhadap seseorang defendant?

(5 markah)

- (b) Syarikat XYZ Bina telah melantik firma Arkitek Dollah dan Ooi untuk merekabentuk sebuah kompleks pejabat. David Raju, seorang arkitek bertauliah di firma tersebut telah diarahkan oleh Dollah mengendalikan kerja-kerja berkenaan.

Syarikat XYZ Bina seterusnya melantik Din Construction Enterprise (kontraktor bangunan) untuk membina kompleks tersebut mengikut pelan-pelan yang direka-bentukkan.

Setelah bangunan siap dibina, terdapat beberapa keretakan pada struktur dan kelembapan telah berlaku kerana terdapat beberapa kesilapan dalam pelan reka-bentuk. Akibatnya sijil kelayakan untuk menduduki bangunan tidak diberikan oleh penguasa tempatan. Syarikat XYZ Bina mengalami kerugian.

Nasihat Syarikat XYZ Bina tentang remedi-remedi mereka di dalam kecuaian terhadap:

- (i) David Raju
(ii) Firma Arkitek Dollah dan Ooi

(15 markah)

Bahagian C

7. (a) Bincangkan bentuk tanggungan seseorang penghuni rumah kediaman terhadap:

- (i) Tetamu yang dijemput
(ii) Penceroboh

(10 markah)

- (b) Bincangkan dengan ringkas kehendak-kehendak di sebalik maksim:

- (i) "Res Ipsa Loquitur"
(ii) "Volenti non fit Inuria"
(iii) "Culpa tenet suos auctores"

(10 markah)